



**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN
HAJI ABANG JULAI
DATUK BANDAR KUCHING UTARA
CITY DAY FUN RIDE
1 OGOS 2015**

Terima kasih saudara/saudari Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.....

Yang Berusaha Dr. Saadiah Haji Abdul Samat
Pengarah, Dewan Bandaraya Kuching Utara

Pegawai-pegawai kanan DBKU

Para peserta City Day Fun Ride

Rakan Media serta

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam Sejahtera dan Selamat Malam.....

Terlebih dahulu izinkan saya melafazkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan kurnia-Nya kita dapat hadir dan berkumpul bersama-sama pada malam ini untuk Program Kayuhan *City Day Fun Ride* anjuran Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang turut hadir bagi menjayakan program Kayuhan *City Day Fun Ride* kita pada malam ini.

Saya yakin, kehadiran anda pada malam ini menunjukkan keprihatinan serta komitmen padu kita untuk sama-sama menyemarakkan lagi semangat kesukanan di dalam diri kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman, Dewan Bandaraya Kuching Utara sentiasa komited dan sangat prihatin dalam usaha-usaha yang melibatkan aktiviti sukan terutamanya aktiviti berbasikal.

Tidak dapat dinafikan pada ketika ini, sukan berbasikal adalah antara sukan yang paling digemari oleh ramai pihak. Siri-siri kejayaan yang dicetuskan beberapa pelumba khususnya di sukan olimpik, sukan asia dan kejohanan trek sedunia telah menjadi pemangkin untuk menyemarakkan sukan berbasikal di negara ini.

Bagi mengiringi senario ini, kami di Dewan Bandaraya Kuching Utara ingin terus memupuk gaya hidup sihat dan cergas dengan melibatkan warga kota dalam pelbagai aktiviti sukan yang kami anjurkan terutamanya dalam aktiviti berbasikal.

Dengan adanya aktiviti sebegini, budaya sukan dalam kalangan warga kota juga dapat dipupuk. Secara tidak langsung, ianya juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim antara peserta Program Kayuhan *City Day Fun Ride* kita pada malam ini.

Penganjuran program sebegini juga dilihat mampu dijadikan sebagai platform untuk membantu mempromosikan industri pelancongan di Bandaraya Kuching. Trek berbasikal yang terdapat di Bandaraya Kuching ini juga dapat dipromosikan sebagai salah satu destinasi *Sport Tourism* di negara Malaysia seperti Trek Berbasikal untuk Kejohanan *Le Tour De Langkawi*.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang kita sedia maklum, aktiviti berbasikal merupakan salah satu aktiviti yang sangat sihat di mana ianya sangat mesra alam dan aktiviti ini juga sangat mudah untuk diselenggara. Bahkan ianya juga merupakan aktiviti sukan yang tidak mencemar alam sekitar dan menjadikan Bandaraya Kuching lebih bersih, lebih selamat dan lebih sihat untuk dihuni oleh warga kotanya.

Dewan Bandaraya Kuching Utara bukan sahaja aktif menjayakan aktiviti berbasikal tetapi kami juga aktif menjayakan pelbagai aktiviti sukan yang lain seperti Pertandingan Aerobathon, Pertandingan Dart, *Siol Mountain Bike Challenge*, *Let's Share The Road*, Pertandingan Futsal, Jom Sihat DBKU dan juga pelbagai lagi yang melibatkan penjagaan kesihatan dan juga bersukan.

Kami juga amat mengalu-alukan kerjasama persatuan ataupun organisasi yang ingin bekerjasama dengan kami di Dewan Bandaraya Kuching Utara untuk penganjuran acara seperti yang saya nyatakan sebentar tadi. Dengan adanya penganjuran program sukan seumpama ini, kita dapat memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada seluruh warga Bandaraya Kuching termasuk organisasi, persatuan, badan-badan berkanun, IPTA, IPTS, Agensi Swasta dan NGO untuk saling bekerjasama melalui program atau aktiviti yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

Diharap dengan adanya aktiviti bersukan sebegini, warga kota akan menjadi lebih sihat serta terlibat aktif dalam pelbagai acara yang dianjurkan oleh kami sejajar dengan Misi Dewan Bandaraya Kuching Utara iaitu **"Untuk Mempertingkatkan Kualiti Kehidupan dengan Mewujudkan Persekitaran yang Kondusif, Penglibatan Wargakota dan Penyampaian Perkhidmatan Terunggul"**.

Kami juga berharap agar dengan adanya program dan aktiviti seumpama ini maka kita dapat melahirkan lebih ramai warga kota yang cergas dan sihat dari segi fizikal dan mental.

Sebelum mengundur diri...

Sekali lagi saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjalankan program berbasikal kita pada malam ini. Segala usaha, kerjasama dan sokongan yang anda berikan amatlah kami hargai. Diharap agar kerjasama erat seperti ini dapat diteruskan untuk program dan aktiviti yang akan datang.

Tanpa berceles dengan lebih panjang lagi, saya sudahi ucapan saya pada malam ini dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....